

PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN FATWA KONTEMPORARI DALAM MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI: SATU PENDEKATAN

Prof. Madya Dr. Alias bin Azhar¹
Dr Mohammad Azam Bin Hussain

¹Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah, e-mel: az.alias@uum.edu.my

Accepted date: 5 January 2017

Published date: 31 March 2017

To cite this document : Azhar, A., & Hussain, M. A. (2017). Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari Dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi: Satu Pendekatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(3), 9-20.

Abstract : *Globalisasi merupakan suatu reformasi budaya sedunia yang mempengaruhi segala lapisan masyarakat. Walaupun pada asalnya di arahkan kepada keterbukaan dalam aktiviti ekonomi sedunia, tetapi kini telah mula merangkumi keterbukaan dan perubahan dalam aspek politik, sosial dan pemikiran masyarakat. Kepelbagaian isu yang timbul ini adalah kesan langsung globalisasi ialah perkembangan drastik revolusi dan evolusi sains dan teknologi. Keunikan hubungan antara wahyu dan akal serta kefahaman inilah yang memastikan penyelidikan fatwa sentiasa unggul dan mampu menanggapi permasalahan semasa. Objektif penyelidikan fatwa sebenarnya wujud perkaitan yang rapat dengan objektif Syariah (Maqasid al-Syariah) itu sendiri. Penyelidikan fiqh berasaskan kepada dua kerangka utama yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Pertama ialah wahyu Allah yang kebenarannya adalah mutlaq dan bersifat muqaddas, seperti yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kerangka pertama bercirikan wahyu memerlukan kefahaman manusia dalam menanggapi dan mentafsirkan maksudnya. Di atas asas inilah fuqaha berijtihad dan melakukan usaha-usaha penyelidikan fiqh dengan meluas dan efektif. Kajian menggarapkan tiga (3) kaedah utama iaitu, analisis kandungan yang meneliti kerangka epistemologi fatwa dan ijtihad dalam Islam (persoalan sumber, sifat sesuatu ilmu dan neraca penilaian) yang digunakan seseorang sarjana/penulis Syariah; kaedah pensejarahan dan perbandingan yang meneliti sejarah pembinaan hukum Islam dan kaedah penelitian sosiologi yang meneliti latar belakang masyarakat seperti aspek sosio-politik, struktur, ekonomi dan institusi tertentu (seperti impak globalisasi) yang mempengaruhi penghasilan fatwa. Perbincangan artikel ini meliputi konsep dan pendekatan penyelidikan fiqh maqasidi dan fiqh saintifik dalam konteks pembangunan fatwa bagi menghadapi cabaran globalisasi. Masyarakat kini berhadapan dengan pelbagai permasalahan baru, kesan daripada perubahan corak kehidupan dan perkembangan sains dan teknologi yang begitu pesat, sekaligus lahir satu era yang dikenali era Siber dalam kerangka yang luas dinamakan globalisasi. Institusi fatwa perlu melakukan istinbat hukum melalui penyelidikan fatwa dalam dua kerangka penyelidikan fiqh iaitu fiqh maqasidi dan fiqh saintifik. Hanya dengan cara demikian sahaja hasil penyelidikan fatwa mampu menyahut cabaran masa kini dan mendahului segala perkembangan yang berlaku dalam menghadapi cabaran globalisasi.*

Keywords: *Fatwa, Fiqh saintifik, Istinbat, Penyelidikan Hukum, Maqasid al-Syariah*

DEVELOPMENT OF FATWA CONTEMPORARI IN ACCEPTING GLOBALIZATION CHALLENGES: ONE APPROACH

Abstract: *Globalization is a worldwide cultural reform that affects all walks of life. Although originally directed toward openness in world economic activity, but has now begun to include openness and change in the political, social and social aspects of society. The diversity of these issues is the immediate impact of globalization is the drastic development of the revolution and the evolution of science and technology. The uniqueness of the relationship between revelation and reason and understanding is that it ensures that fatwa research is always superior and capable of responding to current issues. The objective of the fatwa research actually exists as closely related to the Shariah objective (Maqasid al-Syariah) itself. The fiqh research is based on two main frameworks which can not be separated from one another. First is the revelation of Allah whose truth is mutlaq and muqaddas, as found in the Qur'an and al-Sunnah. The first framework of revelation requires a human understanding in responding to and interpreting its meaning. On this basis is the jurisprudence and conducting fiqh research efforts extensively and effectively. The study expects three (3) main methods ie content analysis that examines the framework of fatwa epistemology and ijihad in Islam (question of the source, the nature of a science and the balance sheets) used by a scholar / Syariah scholar; historiography and comparative methods that examine the history of the construction of Islamic law and sociological research methods that examine the background of societies such as socio-political aspects, structures, economics and certain institutions (such as the impact of globalization) that affect the income of the fatwa. Discussion of this article covers the concept and approach of fiqh maqasidi research and scientific fiqh in the context of fatwa development to meet the challenges of globalization. People are now faced with many new issues, the impact of the changing patterns of life and the rapid development of science and technology, as well as the birth of an era known as the Cyrene era in a broad framework called globalization. Fatwa institutions need to carry out legal affairs through fatwa research in two fiqh research frameworks ie fiqh maqasidi and scientific fiqh. Only in such a way that fatwa research results are able to meet the challenges of today and take precedence over all developments that take place in the face of globalization challenges.*

Keywords: *Fatwa, Scientific Fiqh, Istinbat, Legal Investigation, Maqasid al-Syariah*

Pendahuluan

Proses globalisasi berlaku semakin cepat pada masa mendatang, sebagaimana pandangan Colin Rose (1997) bahawa dunia sedang berubah dengan amat pantas dan belum pernah terjadi sebelumnya. Kehidupan masyarakat termasuk perkembangan sosial, ekonomi dan keilmuan menjadi semakin kompleks.

Keperluan ahli masyarakat Islam kepada hukum syarak dalam menjalani kehidupan memang tidak dapat dinafikan. Menurut Hasnan Kasan (2006) perundangan negara melalui kuasa negeri juga telah memberikan autoriti kepada pihak berkuasa agama untuk mengeluarkan dan menguatkuasakan hukum syarak di kalangan masyarakat Islam. Keterikatan aktiviti orang Islam dengan hukum syarak adalah suatu yang mesti menurut taklif syarie. Walaupun orang Islam yang terangkum dan terikat oleh hukum syarak yang dikuatkuasakan tidak menolak nilai syarak pada hukum yang dikuatkuasakan, namun kadang-kadang mereka menolak bentuk pelaksanaannya kerana mereka tidak memahami bentuk dan

prosedur yang dilalui dalam proses pengeluaran dan penguatkuasaan hukum tersebut. Harus difahami bahawa di Malaysia hukum syarak wujud dalam dua keadaan. Pertama dalam bentuk fatwa dan kedua dalam bentuk prinsip-prinsip syarak yang tertentu yang telah dicernakan dalam bentuk undang-undang bertulis atau enakmen-enakmen syarak seperti Enakmen Keluarga Islam, Enakmen Keterangan Syariah, Enakmen Prosedur Mal Syariah serta Enakmen Prosedur Jenayah Syariah.

Perubahan ke atas masyarakat kesan globalisasi dilihat secara makro, daripada aspek pemikiran, pendidikan, sosio-budaya, ekonomi, politik dan sebagainya amat dipengaruhi dan dikesani oleh pembangunan pesat sains dan teknologi. Oleh yang demikian, persoalan-persoalan sains dan teknologi terlibat secara langsung dengan realiti kehidupan manusia dan sentiasa berkembang selaras perkembangan intelektual manusia itu sendiri. Sains dan teknologi juga sentiasa mencipta masalah hukum yang lebih komplikated dan sofistiked serta menanti jawapan fiqh Islami yang konsisten dengan sifat fleksibel dan relevan pada setiap era kehidupan insan. Sekali gus, memaksa para mujtahid untuk menggarap segala usaha kepakaran ijtihadnya bagi mencari resolusi dan konklusi hukum yang berwibawa.

Persoalan-persoalan hukum dalam pelbagai aspek yang tidak pernah terbayang akan muncul, pada era globalisasi muncul dan berkembang dengan cepat. Persoalan-persoalan hukum dan fatwa dalam bidang ibadat, munakahat, muamalah dan kepenggunaan Islam telah muncul serta menjadi cabaran kepada para penyelidik hukum masa kini (Ahmad Hidayat,2012).

Penyelidikan fiqh Maqasidi dan fiqh saintifik dalam fokus artikel ini, adalah menjurus kepada strategi dan mekanisme kaedah penyelidikan hukum berasaskan maqasid al-Syariah dan bercirikan saintifik yang diaplikasikan dalam pembangunan fatwa kontemporari. Secara umumnya, mekanisme penyelidikan fatwa adalah bermatlamatkan memperolehi ilmu pengetahuan bagi menyelesaikan isu hukum semasa. Rasionalnya, sebahagian besar ilmu pengetahuan daripada semua bidang ilmu, adalah terhasil daripada penyelidikan ahli-ahli ilmu dalam bidang berkaitan. Namun begitu, sesuatu penyelidikan itu perlu dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah istinbat dalam kerangka maqasid al-Syariah dan kajian yang berbentuk saintifik sifatnya. Natijah ilmunya, barulah boleh dianggap sebagai satu sumbangan yang baru dan bermanfaat kepada bidang penyelidikan hukum kontemporari.

Secara praktisnya, kepentingan utama yang menjadi rujukan penulis ialah, usaha penyelidikan fatwa adalah bertujuan mengetahui (apakah) dan memahami (bagaimanakah dan mengapakah) objektif Syariah sebenar melalui pendekatan Maqasidi. Elemen saintifik yang mendasari kajian turut bersifat bebas daripada keterikatan perbincangan falsafah sains itu sendiri.

Istinbat Fatwa Berasaskan Fiqh Maqasidi

Salah satu aktiviti yang terdapat dalam fiqh ialah "Istinbat". Secara mudahnya ia boleh disifatkan sebagai proses penentuan hukum. Bagaimana pun ia adalah suatu istilah yang longgar. Kerana proses seperti itu boleh berlaku dalam berbagai cara. Apa yang wajar disebut di sini ialah sama ada ia secara berijtihad atau secara bertaqlid. Sehubungan dengan ini para ulama berbeza pendapat. Bagi para ulama usul al-fiqh, ijtihad menjadi syarat kepada adanya fiqh. Maksudnya, tiada istinbat boleh berlaku tanpa ijtihad. Seorang faqih, pada pandangan mereka ini semestinya seorang mujtahid (Sulaiman al-Asyqar:1991).

Bagaimanapun, ini bukanlah suatu penegasan baru. Sebaliknya ia telah timbul sejak lama apabila sebahagian daripada para ulama semasa menyedari bahawa penutupan pintu ijtihad telah menyebabkan hukum Islam terus tersisih daripada gelanggang hidup kerana dilihat sebagai tidak relevan dengan aspek semasa lagi (Yusof al-Qaradhawi:1994).

Disiplin keilmuan silam, ulama membahaskan ilmu dalam penulisan fiqh dengan cara menganalisa hukum dan dikemukakan hikmahnya. Sebagai contoh mereka membahaskan zakat, hukum dan hikmahnya, jual beli beserta hukum dan hikmahnya. Ulama fiqh khususnya apabila mereka membahaskan hukum dan dalam masa sama turut membincangkan hikmahnya yang diistilahkan *Hikmah al-Tasyri'* (al-Raysuni,1992).

Maqasid al-Syariah boleh dibahagi kepada dua iaitu *maqasid* umum dan *maqasid* khusus (Saad, 1998), manakala terdapat kalangan penulis menambahkan dengan *maqasid al-Juziyyah*. *Maqasid* khusus terkandung dalam *hikmah al-Tasyri'* dalam ketetapan sesuatu hukum seperti hikmah diwajibkan menunaikan solat iaitu bertujuan menegah perkara yang *fahishah/keji* dan mungkar (Quran, al-Ankabut,45). *Maqasid* umum pula bertujuan memelihara keamanan dan keharmonian manusia sejagat. Jelas bahawa hikmah dalam syariat Islam bertujuan memelihara *maslahah* manusia di dunia dan akhirat. Dalam *maqasid al-Syariah* itu terdapat "illah" yang menjadikan instrumen dalam penetapan hukum. 'Illah turut digunakan pembinaan hukum melalui *qiyas*. Menurut al-Syatibi *al-'illah* bermaksud *hikmah* dan *masalih* yang berkait dengan suruhan (Awamir) dan keharusan (Ibahah) dan *mafasiid* yang berkait dengan larangan (nawahi). Oleh itu, elemen kesusahan/kepayahan (mashaqqah) adalah 'illah kepada hukum harus *qasar* solat. 'Illah adalah *maslahah* (al-Raisani,1992) .

Hukum yang disyariat oleh Allah berdasarkan kemaslahatan manusia sama ada di dunia mahupun akhirat (Shatibi,1997). Hal sedemikian menunjukkan kebaikan dan kelebihan Syariat Islam. Ianya telah disepakati oleh para ulama Usul, *Muhaddithin*, *Mutakallimin* bahkan golongan falsafah (al-Amidi,1998)

Para ulama mujtahid akan berijtihad terhadap persoalan semasa berdasarkan nas-nas Syarak sama ada melalui lafaz-lafaznya ataupun 'illah-'illahnya(al-Muti'i, t.t.). Pendekatan ini mempunyai kelebihan-kelebihan berikut;

1. Merupakan asas utama dalam memahami, menyelami dan menzahirkan maqasid al-shari'ah yang sebenar. Tanpa konsep istinbat hukum berdasarkan 'illah (ta'lil ahkam) para mujtahid lebih sukar dalam membuat penentuan hukum yang berkaitan dengan permasalahan semasa kerana hanya pembuat hukum (Allah s.w.t.) sahaja yang mengetahui kehendakNya yang sebenar. Oleh itu berdasarkan pendekatan ini, para mujtahid boleh berijtihad berdasarkan kehendak dan motif Syarak secara umumnya.
2. Merupakan salah satu rukun *qiyas* paling utama yang menghubungkan di antara asal dan furuk. Hal ini membawa kepada penerimaan istinbat berdasarkan 'illah hukum secara umum apabila ianya dikaitkan dengan perbuatan hamba (manusia) dan bukannya perbuatan Allah SWT.
3. Sebagai pelengkap kepada kewujudan 'illah yang disyaratkan oleh golongan jumhur iaitu jelas (zahir) dan konsisten (al-Shawkani,1999). Instinbat hukum dalam situasi ini lebih kepada sandaran 'illah atau hikmah yang dikenali sebagai munasabah('Ali Hasab Allah,1964)secara umumnya. Ini bermakna bukan semua 'illah itu dianggap sebagai motif ataupun hikmah.

Penjelasan kaedah istinbat hukum Syarak dalam konteks 'illah bagi mencapai dan memenuhi kriteria *maqasid al-Syariah* berlaku sebagaimana berikut (Shalabi,1981);

- a. Mengetahui hukum yang tidak dinaskan melalui *qiyas*.
- b. Para mujtahid membuat kajian dengan berdasarkan makna yang seiring dengan kehendak Syarak justeru berhukum dengannya. Ianya dikenali dengan istilah ataupun *maslahah* mursalah.
- c. Mengkaji 'illah sesuatu hukum yang dinaskan dan 'illah tersebut bersifat terbatas ('illah qasirah) melalui penjelasan terhadap hikmah hukum.

Hukum adalah perintah (Khitab) Allah. Secara asasnya ia terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Begitupun terdapat sumber-sumber lain yang bersifat bukan asas, seperti *Ijma'*, *Qiyas*, *Maslahah* dan 'Urf. Secara umumnya sumber-sumber bukan asas ini boleh disifatkan sebagai penditilan kepada prinsip yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dengan kata lain ia mungkin boleh disifatkan sebagai metode atau cara menganalisis kehendak al-Quran dan al-Sunnah.

Memahami hukum daripada sumber-sumber ini, baik secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah atau melalui sumber-sumber bukan asas tadi disebut sebagai "Fiqh". Kerana itulah para ulama Usul al-Fiqh mentakrifkan "Fiqh" sebagai "Memahami hukum Syarak daripada sumber-sumbernya secara terperinci" (Abdul Karim Zaydan, 1996).

Penyelidikan Fatwa Dalam Konteks Ijtihad Semasa

Sebagai alternatif perbincangan artikel secara fokus, istilah "Penyelidikan" wajar digunakan. Sebagaimana maklum, istilah berkenaan bermaksud kerja-kerja akademik yang serius bagi tujuan mencapai kebenaran ilmiah melalui proses pengecaman dan penganalisaan yang teratur. Dengan cara itu apa yang akan diperkatakan ialah bagaimana menjadikan "penyelidikan" sebagai asas dalam menentukan hukum. Namun Usul Fiqh tetap juga akan dijadikan sebagai asas memandangkan ia adalah satu-satunya kaedah yang dipraktikkan dan teruji dalam sejarah perkembangan hukum Islam. Dengan kata lain, bagaimana menjadikan Usul Fiqh sebagai metode penyelidikan hukum Islam semasa berkaitan hukum amali. Hukum amali terbahagi kepada dua, iaitu hukum taklifi dan hukum wad'i (Abdul Karim Zaidan, 2004).

Penyelidikan fatwa melalui ijtihad berasaskan proses ulangkaji secara sistematik mampu mencapai taraf yang tinggi dari segi penyelidikan. Dalam istilah Usul Fiqh ia disebut sebagai kerja-kerja "Takhrij". Berasaskan kepada teori Ijtihad, ia merupakan kerja-kerja ijtihad paling asas (Ahmad Ali Taha Rayyan, 1995). Dalam istilah penyelidikan moden ia disebut sebagai "kajian literatur" (literature review) yang berfungsi untuk memberi gambaran yang jelas tentang pandangan dan hasil kajian terdahulu serta mengenal pasti skop kajian yang belum dikaji sebelumnya.

Sepertimana kata al-Qaradhawi (1997), selain daripada keperluan memahami nas al-Quran dan al-Sunnah (Fiqh al-Nusus) keperluan untuk memahami realiti (Fiqh al-Waqi') juga sangat penting. Para fuqaha zaman lampau juga banyak memperkatakan tentang perubahan fatwa kerana perubahan keadaan. Sehubungan dengan ini adalah penting sekali untuk memahami semua teks yang berkaitan dalam konteks yang ada. Kalau tidak kesimpulan yang akan dibuat nanti mungkin lebih bersifat sangat ideal dan sukar untuk direalisasikan dalam persekitaran yang ada.

Sifat semula jadi *maqasid al-Syariah* adalah pasti (Qat'i). Kepastian ini merujuk kepada status autoriti dan kredibiliti *maqasid al-Syariah*. Apabila Syariah menganjurkan aktiviti perniagaan, tetapi dalam masa yang sama mengharamkan riba (al-Quran, al-Baqarah, 275). Kepastian di sini, penegahan ke atas riba atas alasan menjaga dan memelihara sistem ekonomi daripada penyelewengan atau ketidakadilan. Ini bertujuan mengelakkan daripada berlaku kezaliman manusia (Muhammad Baqir, 1980) yang menimbulkan kesan negatif kepada sistem ekonomi Islam yang berteraskan konsep kesempurnaan, keseimbangan dan keadilan (al-Qaradhawi, 1996). Jelas di sini, *maqasid al-Syariah* yang terkandung dalam mana-mana hukum yang disyariatkan itu tidak boleh dipertikaikan. Sekiranya prosedur atau kaedah urusan yang diwajibkan pasti mempunyai manfaat dan faedah besar. Namun, jika ianya dilarang maka pasti ada kemudahan atau keburukan yang mesti dielakkan.

Metode penyelidikan fatwa berteraskan *maqasid* ini diperolehi dalam pelbagai asas dan siri (al-'Alim Yusof Hamid,1991). Pertama menerusi nas-nas wahyu yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Allah s.w.t. berfirman, maksudnya(JAKIM,1983):

Mereka Kami utuskan sebagai rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tidak alasan bagi manusia untuk membantah Allah sesudah diutuskannya para rasul itu (Quran,al-Nisa',165).

Dalam firman yang lain bermaksud: *Dan Kami tidak mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan agar engkau menjadi Rahmat bagi seluruh 'alam (Quran,al-Anbiya',107).* Begitu juga firman Allah yang bermaksud:*agar Dia (Allah) menguji siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya; dan banyak lagi ayat-ayat al-Quran (Quran,Al-Hajj,39,Al-Baqarah,183,Al-Maidah,6)* yang memberikan gambaran jelas berkaitan sebab dan alasan sesuatu ketetapan. Dalam al-Sunnah pula diriwayatkan (Muslim, 2006):

Wahai golongan pemuda sesiapa yang mampu di antara kamu untuk memberi nafkah maka berkahwinlah, kerana perkahwinan itu dapat memelihara pandangan mata dan menjaga kemaluan. sesiapa yang tidak mampu pula maka berpuasalah kerana sesungguhnya berpuasa itu merupakan pelindung kepadanya.

Metodologi kedua, melalui metode penyelidikan berbentuk induktif (Istiqra'). Kaedah ini kerap kali diaplikasi oleh fuqaha (Amir Mu'allim,1999) melalui kaedah memetik kesimpulan hukum berbentuk umum yang terhasil berasaskan fakta-fakta khusus. Menurut al-Syatibi (1997) metode ini berasaskan kepada penyelidikan fatwa terhadap semua hukum Syariah sama ada yang bersifat kaedah-kaedah atau *furu'*. Selain itu, beliau berpendapat bahawa metode induktif ini adalah berbentuk menyeluruh dan pasti. Misalnya, *maqasid al-Syariah* yang tersirat dalam penetapan hukuman *kaffarah* dengan memerdekakan seorang hamba (Bukhari, Sahih Bukhari, bab al-Siyam).

Metode ini memerlukan usaha dan komitmen yang konsisten bagi memperolehi hasil yang berkesan dan praktikal. Mungkin ianya agak sukar dilaksanakan oleh fuqaha kerana hukum Syariah, fatwa-fatwa dan ijtihad fuqaha tersebar ke seluruh dunia. Walaupun begitu, sehingga kini sukar didapati hukum Fiqh yang bercanggah dengan *maqasid al-Syariah*. Realiti yang ada hanyalah, perbezaan pentafsiran dan kefahaman fuqaha mengenai '*illat al-Hukum* (Ibn Rush,1983), kesannya berlaku perbezaan pendapat mengenai sesuatu ketetapan hukum. Hakikatnya kewujudan *maqasid al-Syariah* dalam sesuatu hukum adalah pasti dan tidak dapat dinafikan.

Justeru, kaedah terbaik dalam menganalisis hukum hasil implikasi cabaran globalisasi demi merealisasikan objektif syariah sebenar dalam penyelidikan fatwa adalah seperti pandangan al-Zarqa (1998):

Perubahan dan perbezaan fatwa (hukum) adalah berasaskan perubahan waktu (masa), ruang (tempat), keadaan, motivasi dan kebiasaan

Menurut al-Sayis (1970), hukum Islam dapat dibahagikan kepada dua, iaitu pertama, hukum yang tetap dan tidak akan berubah serta ditukar ganti sama ada berlaku perubahan realiti semasa atau setempat dan kedua, hukum *juz'iyah* yang memelihara kepentingan manusia dan cara hidup ('urf) mereka. Hukum ini akan mewarnai kepentingan manusia selari dengan perubahan masa dan keadaan.

Selaras dengan hakikat tersebut, wujudnya elemen *al-taghayyur* dalam tafsiran nas terutamanya dalam kategori kedua. Elemen *al-taghayyur* menjadi unsur pelengkap dalam memenuhi keperluan dan realiti manusia yang sentiasa berubah dan berkembang (al-Zuhayli, 2001). Pandangan al-Raysuni (2000), realiti (sosial) seperti air yang mengalir, iaitu berubah dan tidak bersifat statik.

Penilaian kembali hasil fatwa terdahulu yang merupakan perbendaharaan yang amat bernilai dengan mengambil kira segala bidang keilmuan yang tidak terbatas kepada bidang

agama sahaja, bahkan melibatkan bidang sains dan teknologi khususnya disiplin biologi, kimia, fizik, matematik dan lain-lain. Termasuk juga nilai intelektual (seperti nilai-nilai psikologi, sejarah, politik, ideologi dan lain-lain) serta realiti hidup masyarakat sama ada dalam masalah sosio-ekonomi, kebudayaan, interaksi sosial dan sebagainya. Ini kerana adalah penting menentukan hukum fatwa berasaskan pada pandangan dan perspektif semasa kesan globalisasi masa kini.

Penyelidikan Fiqh Saintifik Dalam Istibat Fatwa Kontemporari

Kaedah penyelidikan Islam telah wujud berabad lamanya. Pernyataan ini dibuktikan dengan wujudnya kaedah-kaedah penentuan hukum dalam Islam sehingga lahirnya ilmu yang dikenali sebagai ilmu Usul al-Fiqh. Ilmu Usul al-Fiqh merupakan gabungan dua perkataan Arab iaitu usul dan fiqh. Usul berasal daripada perkataan asal yang membawa maksud asas binaan sesuatu perkara atau sesuatu yang dibina di atasnya (Khalid Ramadan Hasan, 1998). Fiqh pula bermaksud faham, didefinisikan sebagai satu ilmu mengenai hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf (orang yang telah memenuhi syarat untuk menjalankan tanggungjawab dan kewajipan syarak seperti baligh dan berakal)(Wahbah al-Zuhayli, 1996).

Fiqh juga boleh didefinisikan sebagai himpunan hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan amalan harian mukallaf yang diambil daripada dalil-dalil yang terperinci. Menurut Wahbah al-Zuhailiy (1989), Usul al-Fiqh merupakan satu himpunan kaedah dan prinsip yang digunakan oleh fuqaha' dalam membuat sesuatu ketetapan hukum yang diambil daripada dalil syar'ī yang terperinci.

Secara tidak langsung, satu proses penyelidikan dijalankan untuk mengetahui hukum syarak tertentu menggunakan kaedah-kaedah tertentu dalam ilmu Usul al-Fiqh. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah ini masih pada peringkat pengenalan dan masih belum diterapkan dalam penyelidikan akademik termasuklah kajian-kajian akademik yang dilakukan berkaitan dengan Islam daripada perspektif sosial.

Norsaidatul Akmar Mazelan (2003) berpendapat bahawa impak sains dan teknologi terhadap skop penguasaan ilmu dan maklumat akan jauh lebih luas dan pelbagai, proses pemakluman pengilmuan sebagai teras utama. Elektronik dan digital akan memperlihatkan kecanggihan yang nyata sama ada dalam teknologi komunikasi atau bidang-bidang lain. Jadi di sini merupakan cabaran utama bagi penyelidikan Fiqh sedia ada, ianya harus seiring dengan perkembangan semasa. Reformasi amat perlu dilakukan secara holistik daripada aspek sumber manusia, fasiliti dan paling utama pendekatan penyelidikan yang dilaksanakan.

Mohd Daud Bakar (1999) berpendapat bahawa seseorang fuqaha dibenarkan untuk bersikap kritikal, review dan bebas sama ada hendak menerima pakai ataupun sebaliknya terhadap kandungan sesuatu karya *Fiqh* Islam. Pemahaman ini juga penting untuk diketahui oleh setiap penganut Islam bagi mengelakkan sifat fanatik mazhab yang biasanya berlaku akibat ketaksuban yang tidak menentu terhadap pengamalan dan pengajian *Fiqh* yang bersifat relatif tersebut. (Imran Ahsan Nyazee, 1983).

Abdul Halim El-Muhammady (2001) menegaskan bahawa sesuatu karya *Fiqh* yang bersifat relatif ini perlu dinilai secara terbuka dan membenarkan perselisihan pendapat, sebagai contohnya dengan menggunakan konsep *tarjih* dan perbandingan mazhab iaitu proses penjaan akal fikiran yang terbuka, logik, waras dan sistematik di dalam menilai sesuatu hasil karya *Fiqh* Islam (Paizah Ismail, 1999). Penggunaan pendekatan-pendekatan ini, boleh dikategorikan sebagai pengamalan budaya ilmu (Muhammad Abdul Rauf, 1995) yang dikesan telah melahirkan tamadun intelektual Islam yang amat tinggi nilai ilmiahnya suatu masa dahulu.

Realisasi usaha dan pendekatan berhemah serta berhikmah dalam menilai secara kritikal warisan karya *Fiqh* silam dan mengemaskinikan pandangan-pandangan *Fiqh* yang berupa penyelesaian masalah masa kini yang dihadapi oleh masyarakat secara Islamik. Di samping pendekatan semakan semula fatwa-fatwa sedia ada berteraskan hukum-hukum Islam serta memperluaskan operasi hukum supaya dapat bertindak sebagai agen pengawal kepada segenap aspek kehidupan manusia (Muhammad Said Bustami, 1984).

Terma “saintifik” berasal daripada “sains”. Namun, dalam perbincangan di sini, para penulis tidak meluaskan skop sains dengan maksud ilmu pengetahuan atau penggunaan ilmu pengetahuan yang berkait dengan alam kebendaan (Ahmad Mahzan, 1997). Perkara yang menjadi fokus di sini, ialah elemen pemikiran yang digarapkan dalam penyelidikan sains bagi menerangkan fenomena-fenomena melalui pendekatan yang dinamakan kaedah saintifik. Secara holistik, kaedah ini bergantung kepada logik penaakulan akal manusia dan berdasarkan fakta yang munasabah menurut perspektif pemikiran manusia. Selain itu juga, sesuatu prinsip yang dihasilkan oleh sains mestilah boleh diuji secara empirik.

Justeru, setiap hasil kajian atau penemuan boleh diulang kaji oleh sarjana lain yang menggunakan kaedah yang sama. Lantaran itu, setiap penyelidik perlu menerangkan secara terperinci tentang kaedah yang digunakan, tanpa menyembunyikan sesuatu. Resolusi awalan yang boleh dibuat, bahawa sains adalah proses mengumpul fakta, mengklasifikasikannya dan menegakkan fakta. Aspek yang lain pula, fakta sains bersifat tidak mutlak, sebagaimana difahami tentang takrif fakta yang sebenar, iaitu, tidak boleh dipertikaikan lagi atau sesuatu yang tidak boleh berubah. Hakikatnya, fakta sains adalah bersifat relatif dan mengalami perubahan. Malah fakta dalam konteks sains, hanya terhad dalam perspektif ilmiah semata-mata (Sidek Mohd Noah, 2002).

Menurut Goldhaber dan Nieto (2010), kaedah penyelidikan saintifik ditakrifkan sebagai teknik-teknik pengkajian sesuatu fenomena tabii alam untuk memperoleh pengetahuan baru dan menyatupadukan atau membetulkan pengetahuan sebelumnya. Secara lebih khusus, kaedah penyelidikan saintifik sangat berkait dengan takrif sains. Sains merupakan suatu aktiviti penyelidikan menggunakan kaedah tertentu seperti kaedah eksperimen yang amat mementingkan ketelitian dalam pemerhatian. Seterusnya, keputusan pemerhatian tersebut memerlukan penjelasan dalam teori yang difahami dengan sifat seumum mungkin (Medawar 1984). Kaedah ini kini perlu digunakan untuk menjustifikasikan semua bidang ilmu sekiranya bidang tersebut ingin mencapai kesejagatan dan mahu diterima masyarakat secara global (Selamat, Mohd Murshidi & Ahmad Bazli 2012).

Ibn al-Haytham (1989) dalam Kitab al-Manazir (Buku Optik) menyatakan:

“Setelah kami melakukan penyelidikan dan penaakulan secara berperingkat-peringkat dan teratur, kritikan premis dan kesimpulan dibuat dengan berhati-hati dan matlamat kami supaya setiap pengujian dan penyemakan terhadap sesuatu subjek dapat diadili, tidak mengikut prasangka serta mengambil kira perkara yang kami nilai dan kritik yakni yang dicari kebenarannya dan tidak terpengaruh dengan pendapat.”

Penegasan yang dilakukan seperti di atas menjelaskan bahawa kajian saintifik yang dijalankan oleh beliau sangat mementingkan maklumat atau data yang benar, seterusnya menolak pandangan-pandangan yang tidak berasas. Malah, Ibn al-Haytham juga mempunyai pandangan yang berbeza mengenai kaedah memperoleh maklumat berbanding kaedah Aristotle. Misalnya, Ibn al-Haytham menggunakan kaedah *istiqra'* (kaedah induksi) dalam menguji kesahihan teori penglihatan oleh Aristotle yang menggunakan kaedah deduksi (Smith 2000).

Pandangan Ibn al-Haytham yang berbeza dengan pengetahuan yang lazim pada zamannya menjadikan beliau seorang penyelidik yang sangat berfikiran kritis (Sobhi, 2012). Hal ini kerana beliau menjalankan kajian saintifiknya untuk memastikan sama ada kajian

yang dilakukan oleh penyelidik lampau mempunyai nilai kebenaran ataupun sekadar pendapat mereka semata-mata.

Syariah yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah tidak terbina dengan sengaja, tetapi sebaliknya berasaskan objektif tertentu. Natiujahnya, fuqaha perlu sentiasa gigih melakukan usaha penyelidikan dan pengkajian untuk mengaplikasikan objektif Syariah berkenaan dalam semua kondisi demi merealisasikan hukum Allah. Oleh kerana mereka juga tahu bahawa hukum yang disimpulkan daripada nas pada sesuatu waktu mungkin perlu kepada modifikasi dan reformasi atas dasar sebab dan *'illat* sudah berubah. Objektif Syariah itu sendiri tidak dapat diaplikasikan melalui hukum dan panduan berkenaan tanpa semangat dan kefahaman jitu terhadap realiti dan *'urf* keperluan semasa masyarakat.

Fatwa merupakan satu bentuk jawapan hukum yang fleksibel berasaskan perubahan masa, tempat dan keadaan. Penentuan jawapan hukum ini semestinya bersandarkan kepada kaedah pengeluaran hukum yang sistematik. Begitu juga, input penyelidikan semasa turut berperanan sebagai pelengkap kepada jawapan fatwa yang diberikan. Justeru itu, satu garis panduan dalam metode berfatwa atau mengeluarkan hukum harus dipatuhi oleh setiap mufti yang ingin memfatwakan sesuatu hukum supaya jawapan yang diberikan benar-benar menepati kehendak syarak. Oleh itu, kajian akan membincangkan teori mengenai konsep kefatwaan, metode asas berfatwa dan keperluan penyelidikan dalam amalan berfatwa.

Semua jawatankuasa fatwa pada setiap negeri di Malaysia telah menggariskan kaedah dan metode penetapan fatwa masing-masing berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Oleh itu setiap permasalahan yang timbul akan diselesaikan lalu dikeluarkan fatwa berdasarkan kaedah dan metode yang telah digariskan. Menurut Suwaid Tapah (2004), kaedah yang digunapakai oleh keseluruhan jawatankuasa tersebut masih mengekalkan rujukan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i sama ada yang wujud di dalam pendapat yang *qadim* ataupun *jadid*. Sekiranya kaedah ini bertentangan dengan kepentingan umum, jawatankuasa akan merujuk kepada beberapa pendapat daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.

Metodologi penyelidikan Fiqh yang bersifat integratif dan prihatin dengan realiti semasa penting direalisasikan di Malaysia. Antara kelemahan pendekatan penyelidikan fiqh semasa disebabkan oleh paradigma taqlid yang jumud serta ekstrem. Pendekatan ini bakal membantutkan program reformasi pembangunan penyelidikan hukum Islam untuk jangka masa yang panjang. Program pembangunan penyelidikan hukum Islam amat bergantung bukan sahaja kepada pembangunan material semata-mata, tetapi memerlukan keprihatinan sarjana Islam membangunkan kerangka pemikiran dan pendekatan penyelidikan Fiqh yang lebih berdaya maju.

Sebagai contohnya, dalam soal ini, terlalu banyak persoalan baru dalam pelbagai bidang sama ada syariah ataupun teologi, yang perlu diberikan jawapannya oleh sarjana Islam. Antara isu-isu ini adalah soal yang membabitkan kepenggunaan, ekonomi, bioteknologi, perubahan budaya dan ICT moden (Alias Azhar et.al, 2016). Berhadapan dengan masalah ini, seseorang penyelidik hukum perlu bertindak secara proaktif menggunakan pendekatan semi-ijtihad, dengan menawarkan jalan penyelesaian terhadap setiap masalah yang timbul melalui cara mengkaji secara serius jawapan hukum yang terdapat di dalam kitab warisan silam untuk isu yang dikaji. Selain daripada membuat tafsiran yang lebih bersifat kontekstual dan bukan sekadar tekstual terhadap isu tersebut.

Selain itu, pendekatan penyelidikan fiqh saintifik harus berdasarkan *pertama*; landasan ontologi (apa), epistemologi (bagaimana) dan aksiologi (untuk apa) bagi mengenali, membezakan serta menganalisis kaitan fungsional antara pelbagai ilmu pengetahuan. Kedua; harus bersifat relevan dengan konteks perkembangan zaman. Kerana zaman berubah disebabkan komunikasi yang terbuka antara pelbagai budaya, implikasinya proses asimilasi

dan transmisi berlaku. Selain faktor kemajuan ilmu teknologi (Mohd Hazim Shah, 2004) yang secara langsung atau tidak langsung memberi kesan mendalam terhadap kehidupan manusia dan juga pembangunan Negara (Mahathir Mohammad,1991) yang secara dasarnya menyebabkan perubahan drastik dalam sistem kehidupan masyarakat.

Kelebihan aplikasi penyelidikan fiqh saintifik dalam usaha pembangunan fatwa kontemporari boleh dirujuk kepada tiga perkara yang utama seperti berikut (Kamaruzzaman Bustamam,2002);

- i) Pencarian dan perumusan idea atau gagasan yang bersifat mendasar dalam berbagai persoalan.
- ii) Pengenalan dan mendalami persoalan serta isu-isu fundamental dapat membentuk cara berfikir yang kritis.
- iii) Proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan intelektual dan wujud toleransi fiqh serta menafikan fanatisme mazhab.

Aplikasi kaedah saintifik, selain bersifat objektif bukan subjektif, ianya juga bercirikan bebas daripada pertimbangan nilai. Jelas di sini, bahawa penyelidikan saintifik tidak boleh dipengaruhi oleh unsur-unsur nilai luaran, seperti latar belakang pendidikan, keluarga, rakan sebaya, persekitaran sosial dan sebagainya. Rasionalnya, ialah bagi mengelakkan berlaku bias dan prejudis dalam penyelidikan yang akan memberi kesan kepada hasil penyelidikan.

Para penyelidik hukum khususnya dalam konteks fatwa, perlu membuka ufuk pemahaman seluas-luasnya agar pemikiran umat menjadi dinamik dalam erti kata, tidak beku dan jumud serta statik. Pandangan fuqaha silam boleh dinilai semula tanpa menjejaskan autoritinya sebagai sumber rujukan utama dan bernilai tinggi dalam eranya. Bagi menangani permasalahan hukum semasa kesan daripada ledakan sains dan teknologi, para penyelidik hukum perlu membina *inquiry* minda iaitu budaya bertanya, serius membuat kajian dan aktif berwacana secara harmoni dalam usaha merealisasikan penyelidikan Fiqh yang bersifat reflektif kepada perkembangan sains dan teknologi kesan globalisasi.

Pendekatan ini dapat melahirkan para penyelidik syariah (termasuk para mufti) yang mempunyai kemahiran berfikir secara rasional, teliti dan objektif. Selain itu, turut dibekalkan dengan daya rumus dan analisis yang akan meningkatkan kemampuan ijtihad. Kemampuan ijtihad penyelidik-penyelidik syariah khusus kalangan yang terbabit dalam pembangunan fatwa kontemporari sewajarnya berteraskan metodologi *istinbat* dan *istidlal* dengan merujuk kepada sumber warisan dan moden yang berautoritatif. Penyelidik seharusnya mempunyai kemahiran saintifik hasil aplikasi kaedah-kaedah saintifik. Kemahiran ini antara lainnya dapat meningkatkan upaya meneroka fenomena baru berlandaskan pengetahuan sedia ada. Di samping menguasai keupayaan menguji, menyelidik dan memahami perkaitan yang wujud antara teori, konsep dan prinsip umum terkandung dalam fiqh.

Penutup

Kesimpulannya, bahawa usaha aplikasi penyelidikan fiqh Maqasidi dan fiqh saintifik dalam pembangunan fatwa kontemporari boleh dianggap sebagai keperluan yang amat mendesak. Terutamanya, pada era globalisasi yang memerlukan sikap keprihatinan dan pro-aktif di kalangan fuqaha Islam dalam menawarkan formula penyelesaian masalah Islam terhadap pelbagai persoalan kehidupan yang timbul dalam masyarakat. Rasionalnya, amat penting dilakukan penerapan penyelidikan fiqh Maqasidi dalam kerangka *maqasid al-Syariah* yang hakiki ke dalam usaha pembangunan fatwa kontemporari. Selain itu, penyelidikan fiqh saintifik merupakan alternatif terbaik dalam usaha mengukuhkan pemikiran, penyelidik dan metodologi penyelidikan syariah yang lebih berdaya saing serta mampu menyelesaikan isu-

isu fiqh semasa kesan globalisasi secara lebih sistematik dan kondusif. Kedua-dua pendekatan penyelidikan tersebut perlu dilakukan dalam usaha istinbat fatwa sebagai langkah pro-aktif untuk membangun kerangka penyelidikan fatwa yang memenuhi kriteria dan seiring dengan tuntutan perubahan era globalisasi.

Rujukan

- ‘Abd. al-Karim Zaydan.(1996),al-Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiah,Iskandariah:Dar ‘Umar Ibn al-Khattab,
- ‘Ali Hasab Allah .(1964).*Usul al-Tashri‘ al-Islami*, Kaherah: Dar al-Ma‘arif,
- Abdul Halim El- Muhammadiyah.(2001), *Adab Berijtihad Dan Berikhtilaf Mengikut Syariat*, Kuala
- Abdul Karim Zaidan. (2004),al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh, Kaherah: Mu`assasah al-Risalah
- Ahmad Ali Taha Rayyan. (1995), Dhawabit al-Ijtihad Wa al-Fatwa, Al-Mansurah: Dar al-Wafa
- Ahmad Hidayat Buang. (2012), Kertas Kerja Muzakarah Pakar Garis Panduan Dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Nilai:USIM
- Ahmad Mahzan Ayob. (1997), Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, ed. 2, Kuala Lumpur: DBP.
- Al-‘Alim,Yusuf Hamid.(1991). *al-Maqasid al-Aamah li al-Syariah al-Islamiyyah*, USA:al- Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Amidi, Sayf al-Din ‘Ali bin Muhammad al-Amidi.(1998).*al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Sayyid al-Jamili (Dr.)(ed.), c. 3, j. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Al-Asyqar, Umar Sulaiman. (1991).*Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Bukhari.(1961), Sahih al-Bukhari. Jil. I. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Bukhari.(2009), Sahih Bukhari, Bab al-Siyam, (Terj.) Muhsin Khan, https://d1.islamhouse.com/data/en/ih_books/single/en_Sahih_Al-Bukhari.pdf, akses pada 10 September 2016
- Alias Azhar et.al.(2016), Implikasi Isu-Isu Sains Dan Teknologi Dalam Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari, dlm. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)Vol. 1: no. 2.
- Al-Qardawi Yusuf.(1994).*al-Ijtihad al-Muasir baina al-Indibat wa al-Infirat*, Kaherah:Dar al-Tauzi’,
- Al-Qardawi Yusuf.(1997). *al-Sunnah Masdaran li al-ma‘rifah wa al-hadarah*, Kaherah:Dar al-Syuruq
- Al-Raysuni, Ahmad.(2000).*al-Ijtihad: al-Nass, al-Waqi‘, al-Maslahah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir
- Al-Raysuni,Ahmad.(1992).*Nazariyyat al-Maqasid I’nda al-Imam al-Syatibi*, Beirut, al- Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Sayis, Muhammad ‘Ali.(1970).*Nasya’ah al-Fiqh al-Ijtihadi wa Atwaruhu*. Kaherah: Majma‘ al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Al-Shawkani.(1999).*Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min ‘Ilm al-Usul*, Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma‘il al-Shafi‘i (ed.), j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Shaykh Muhammad Bakhit al-Muti‘i. (t.t.).*Sullam alWusul li Sharh Nihayat al-Sul*. dlm ‘Abd al-Rahim bin al-Hasan alIsnawi, Nihayat al-Sul fi Sharh Minhaj al-Wusul ila ‘Ilm al-Usul. j. 4. Kaherah: ‘Alam al-Kutub
- Al-Zarqa, Ahmad Muhammad.(1998).*Syarh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. c. 5, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah.(2001).*Usul al-Fiqh al-Islami*. jld 2, Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir & Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989).*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. jld 5. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli,Wahbah.(1996).*Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islami*. Jilid 2, No. 5; Jilid 1, No. 6. Majallat al-Ahkam al-‘Adliyyah
- Amir Mu’allim dan Yusdani.(1999).Konfigurasi Pemikiran Hukum Islam,Indonesia:Yogyakarta
- Collin Rose dan Malcolm J. Nicholl .(1997), Accelerated Learning for the 21st Century. New York: Delacorte Press
- Goldhaber, A. S. & Nieto M. M. (2010). “Photon and Graviton Mass Limits”, Review of Modern Physics, 82, hlm. 939.
- Hasan, Khalid Ramadan.(1998).Mu'jamUsul al-Fiqh, (Ar-Raudhah), Matter I.

- Hasnan Kasan(2006) Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 10(2006) 1-19, Bangi:UKM
- Ibn al-Haytham, al-Hasan ibn al-Hasan. (1989). *The Optics of Ibn al-Haytham, Book I-III: On Direct Vision*, terj. Abdelhamid I. Sabra. London: Warburg Institute, University of London.
- Ibn al-Rusyd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad.(1996).*Bidayah al-Mujtahid* (Beirut: al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibnu al-Humam.(t.t.), *al-Tahrir*, dicetak bersama Taysir al-Tahrir, Kaherah: al-Halabi, jil. 3
- Imam Muslim bin Al-Hajaj Al-Naisabouri.(2006), Mukhtasar Muslim, bab al-Nikah, Riyadh: Penerbit Darussalam
- Imran Ahsan Nyazee.(1983), The Scope Of Taqlid In Islamic Law, dlm, *Islamic studies*, v. XX11.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.(1983).,Tafsir Pimpinan Rahman, Putrajaya:JAKIM
- Jalaluddin al-Mahalli.(t.t.).*Jam` al-Jawamir*, Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-`Arabiyah
- Kamaruzzaman Bustaman Ahmad.(2002), Islam Historis:Dinamika Studi Islam Di Indonesia, Yogyakarta: Galang Press
- Mahathir Mohammad.(1991), *Wawasan 2020*, Biro Tatanegara: Jabatan Perdana Menteri
- Mana’ al-Qutan/ (1993).*Tarikh al-Tasyri’ al-Islami*, Beirut:Muassasah al-Risalah
- Medawar, P. (1984). *The Limits of Science*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Daud Bakar.(1999), Hukum Islam : Antara Prinsip Syariah Dan Perbendaharaan *Fiqh*, dlm, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur:UM.
- Mohd Hazim Shah.(2004), A Tale Of Two Scenarios In Development Of Science And Technology In Malaysia, dlm. Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit (pnyt.) *Public Policy, Culture And Impact Of Globalisation In Malaysia*, Bangi: UKM.
- Muhammad Abdul Rauf.(1995), *The Muslim Mind : A Study Of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur.
- Muhammad Abu Zuhrah .(t.t.).*Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi
- Muhammad Baqir Al-Sadr.(1980),Iqtisaduna,Cet.13,Lubnan:Dar Al-Ta’aruf,
- Muhammad Mustafa Shalabi.(1981).*Ta`il al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Nahdah al- `Arabiyyah.
- Muhammad Said Busytami.(1984), *Mafhum Tajdid al-Din*, Kuwait.
- Norsaidatul Akmar Mazelan.(2003), Inisiatif Teknologi maklumat Di Malaysia, dlm. *Koridor Raya Multimedia @ Perjalanan Ke Arah Kecemerlangan di Institusi Pengajian Tinggi*, (terj.) Zol Azlan Hamidin, Selangor: UiTM
- Paizah Ismail.(1999), *Fiqh al-Awlawiyat : Konsep Dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar’ Dan Fiqh al-Waqi’ Dalam Pelaksanaan Hukum Islam*, dlm, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur:UM.
- Salamat Amir, Mohd Murshidi Mohd Noor & Ahmad Bazli Ahmad Hilmi.(2012). “Aplikasi Elemen Sainifik dalam Tafsir al-Qur’an: Satu Pengamatan Awal Terhadap Manhaj Zaghlul el-Najjar dalam ‘Tafsir al-Ayah al-Kawniyyah fi al-Qur’an al-Karim’”, *Al-Bayan Journal of Qur’an and Hadith Studies*, 10(2), hlm. 49-68.
- Sidek Mohd Noah.(2002), Rekabentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis, Serdang: UPM
- Smith, R. (2000). Aristotle’s Logic. <http://plato.stanford.edu/entries/aristotle-logic/> (akses pada 3 Ogos 2016).
- Sobhi Rayan. (2012). “Islamic Philosophy of Education”, *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(19), hlm. 150-156.
- Suwaid Tapah (2004). “Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa”, dalam Ahmad Hidayat Buang (eds), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kuala Lumpur: APIUM.
- Umar Sulaiman al-Asyqar.(1991),*Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Amman: Dar al-Nafais.